

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI [ BAGAN DATUK ]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019 | KHAMIS**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selepas pengumuman Hibah 2018 yang lalu apakah status pendeposit Tabung Haji. Adakah terdapat sebarang pengeluaran deposit yang luar biasa sehingga Jun 2019.

**JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, keyakinan pendeposit kepada Tabung Haji terus kekal dan utuh.

Selepas pengumuman Hibah 2018, yang lalu tiada sebarang pengeluaran deposit yang luar biasa sehingga Jun 2019. Keyakinan ini digambarkan melalui pertambahan bilangan pendeposit baharu dan jumlah simpanan yang konsisten.

Pendeposit baharu bagi tempoh Januari 2019 sehingga Mei 2019 adalah sebanyak 133 ribu orang dengan jumlah deposit RM83 juta. Jumlah deposit pada 31 Mei 2019 adalah berjumlah RM71.1 bilion. Sekian. Terima kasih.